



KENYATAAN MEDIA

STATUS TERKINI PENYAKIT AFRICAN SWINE FEVER (ASF) PADA BABI KOMERSIAL DI PAYA MENGKUANG MELAKA

1. Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia mengesahkan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) telah menjangkiti enam belas (16) ladang babi komersial di Paya Mengkuang di Masjid Tanah, Melaka.
2. Menurut Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Dato' Dr Norlizan bin Mohd Noor, bagi mengawal dan mencegah rebakan penyakit ASF, Jabatan Perkhidmatan Veterinar menguatkuasakan '*stamping out policy*' menerusi pemusnahan babi ladang yang telah disahkan positif ASF. Pemusnahan babi menggunakan kaedah gas CO₂ (*high concentration*) berasaskan garis panduan Kod Amalan Kebajikan Haiwan - Pengurusan Pelupusan Haiwan, sebelum ditanam secara sempurna.
3. Sehingga 7 Jan 2022, sejumlah 1864 ekor ternakan babi daripada ladang yang disahkan positif ASF di kawasan Paya Mengkuang telah berjaya dimusnahkan.
4. Menurut Dato' Dr Norlizan lagi, aktiviti pemantauan, pemeriksaan klinikal dan persampelan semua ladang ternakan babi di Paya Mengkuang terus aktif dijalankan bagi mengesan jangkitan penyakit ASF di semua 35 ladang babi di kawasan tersebut. Aktiviti pemantauan dan pemeriksaan juga di aktifkan melibatkan semua ladang-ladang penternakan babi di seluruh negara.
5. Penternak dan orang awam diminta segera melaporkan sebarang kematian pada babi hutan, babi kampung atau babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) atau Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berdekatan atau menerusi hotline Bilik Pengurusan Krisis Penyakit, Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Putrajaya (03-88702041).

Disediakan oleh

Jabatan Perkhidmatan Veterinar
08 Januari 2022